

Royal Mint perkenal tiga skim francais

UM 3 JAN 2000
Oleh JOHARDY IBRAHIM

SHAH ALAM 2 Jan. — Syarikat pengeluar duit syiling, Royal Mint of Malaysia memperkenalkan tiga skim francais khusus untuk pekerja sektor perbankan, insurans dan broker saham yang kehilangan kerja ekoran kelembapan ekonomi negara.

Tiga skim francais itu ialah perkhidmatan kewangan, percunitan produk cenderamata korporat dan kraf tangan yang akan membabitkan lebih 2,000 orang daripada sektor yang terjejas itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang melawat dan mendengar taklimat mengenai skim tersebut daripada pengurusan Royal Mint di sini hari ini, mengalu-alukan langkah syarikat tersebut.

Menurutnya, beliau yakin langkah Royal Mint itu akan membantu usaha kerajaan melibatkan lebih ramai rakyat dalam bidang perniagaan.

“Ini terutama ketika proses penggabungan bank-bank di negara ini menyebabkan ramai yang terpaksa menamatkan khidmat secara pilihan

“Ketika mereka mendapat ganjaran daripada persaraan, pengalaman dan ilmu kewangan mereka dapat digunakan dalam perniagaan tertentu yang dirancang oleh Royal Mint,” katanya.

Sambutan

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis beraya antara kakitangan syarikat itu dengan Perdana Menteri di sini hari ini

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr. Mohd Khir Toyo, Gabenor Bank Negara Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dan Pengarah Urusan Royal Mint, Datuk Megat Mohd. Abdul Wahab Megat Abu Bakar.

Dr. Mahathir berkata, beli-

au berharap rancangan itu akan mencapai kejayaan dan mendapat sambutan daripada mereka yang betul-betul berminat untuk mengambil bahagian dalam bidang ini.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Royal Mint, Datuk Nik Mohd. Amin Nik Abdul Majid berkata, projek perintis akan dimulakan pada Mac ini untuk menguji keberkesanan sistem francais dan ia dijangka dimulakan sepenuhnya pada awal bulan April.

Katanya, penubuhan anak syarikat itu yang dinamakan Royal Mint Exchange Sdn. Bhd. membabitkan modal sebanyak RM10 juta.

Beliau menambah, bagi perkhidmatan kewangan, sebanyak 50 cawangan diwujudkan pada peringkat pertama tahun ini dan menasaskan penubuhan 500 cawangan dalam tempoh tiga tahun.

Katanya, produk perkhidmatan kewangan yang dimaksudkan ialah sistem

pembayaran, pengeluaran tiket, pengurup wang, pengeluaran dan pemungutan pinjaman.

“Setiap cawangan diperuntukkan RM250,000 untuk diwujudkan,” jelasnya.

Nik berkata, pihaknya mendapat bantuan daripada Permodalan Nasional Berhad bagi pembangunan francais tempatan terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan dan produk kraf tangan.

Mengenai kriteria pemohon, beliau berkata, bagi sektor perkhidmatan kewangan tentunya mereka yang berlatar belakang sektor berkenaan.

“Bagaimanapun ada antara mereka (pemohon francais) yang akan kita gabungkan dengan beberapa pemilik lain untuk menubuhkan syarikat dan mengendalikan cawangan. Jadi akan ada adunan orang bank, insurans, broker saham atau sektor korporat,” jelasnya.